

# Alasan peniaga tidak munasabah

**Kota Bharu:** Alasan peniaga negeri ini yang terpaksa menaikkan harga ayam disebabkan wabak Infectious Bronchitis atau bronchitis berjangkit (IB) dianggap tidak munasabah.

Mereka sebaliknya bertindak demikian kerana mahu mengambil kesempatan sempena musim perayaan bagi mengaut keuntungan berganda.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) Kelantan turut menyangkal dakwaan itu dan mengesahkan ayam di negeri ini masih dijamin selamat dan bebas IB.

Ketua Seksyen Akta Kawalan dan Anti Pencatutan KPDNKK Kelantan Shamsuri Hamzah berkata, pihaknya mengesan cubaan peniaga dan pemborong yang menaikkan harga antara RM25 hingga RM30 seekor pada Aidilfitri lalu.

"Mereka ambil kesempatan kerana ayam menjadi keperluan utama ketika perayaan. Pada hari biasa, ayam dijual dengan harga normal.

"Untuk itu, kita akan terus membuat pemantauan di semua pasar dan individu



**SHAMSURI (dua dari kiri) memeriksa harga penjualan ayam di Pasar Siti Khadijah, Kota Bharu.**

yang menaikkan harga ayam dengan tidak munasabah boleh didenda sehingga RM100,000.

"Bagi syarikat pula denda maksimum sehingga RM250,000 mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011," katanya ketika ditemui selepas membuat tinjauan harga ayam di Pasar Besar Siti Khadijah di sini, semalam.

Harian Metro beberapa hari lalu melaporkan peniaga di negeri ini dikesan menjual ayam sehingga RM30 seekor ketika Aidilfitri lalu

demi keuntungan berganda.

Susulan itu, Shamsuri berkata, sebanyak 46 kes dikesan sepanjang Skim Kawalan Harga Musim Perayaan (SKHMP) berlangsung membabitkan kesalahan mencatut harga ayam.

Daripada itu, 26 kes di Kota Bharu, masing-masing tujuh di Pasir Mas dan Tanah Merah serta tiga di Gua Musang dan Kuala Krai.

"Kompaun bernilai RM11,300 dikeluarkan dan kita merampas ayam bernilai keseluruhan RM10,000.

"Pada Aidilfitri kedua dan ketiga, seramai 18 peruncit dan enam pemborong diberikan notis mengikut Seksyen 21, Akta Kawalan Anti Pencatutan kerana menaikkan harga.

"Mereka perlu menjawab notis dalam tempoh tujuh hari dan kegagalan berbuat demikian boleh didakwa di mahkamah," katanya.

Menurutnya, "pengguna juga tidak mempunyai masalah mendapatkan ayam kerana bekalan mencukupi dan dijual mengikut harga siling.

# Harga masih terkawal

**Kuala Lumpur:** "Harga ayam di seluruh negara masih terkawal", kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hamzah Zainudin.


Beliau berkata, kenaikan harga ayam yang terlampau tinggi seperti dilaporkan hanya kes terpencil dan berlaku di Kelantan.

Katanya, harga siling ayam adalah pada kadar RM7.90 sekilogram (kg) dan jika terdapat kenaikan antara RM9 satu kg atau 10 peratus daripada harga itu boleh lagi diterima dan masih stabil.

"Jika terdapat peniaga yang menjual sehingga RM15 satu kg itu sudah keterlaluan dan tidak sepatutnya berlaku.

"Kenaikan harga ayam juga bukan disebabkan wabak penyakit bronchitis berjangkit (IB), tetapi lebih bersifat mahu mengaut keuntungan tinggi oleh segelintir pihak," katanya kepada media selepas majlis perasmian pejabat baharu, WorldVentures Malaysia di sini, semalam.

Beliau mengulas laporan terdapat peniaga yang men-



“**Kenaikan lebih bersifat mahu mengaut keuntungan tinggi oleh segelintir pihak”**

**Hamzah Zainudin**

jual ayam sehingga RM30 seekor di musim perayaan untuk mengaut keuntungan yang tinggi.

Hamzah berkata, bagaimanapun pihaknya akan terus membuat pemantauan bagi memastikan tiada peniaga yang mengambil kesempatan menaikkan harga terutama di musim perayaan ini.